



GEORGE Fischer (kiri) menyerahkan lukisan grafik model rumah USIM kepada **Dr Musa**.

Model rumah mangsa banjir

Nilai: Hasil rekaan model rumah pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), terpilih bagi projek rumah kekal Projek Shelter Tesco dan akan dibina untuk mangsa banjir di Kampung Belian dan Kampung Laut di Tumpat, Kelantan.

Model rumah berkenaan direka lapan pelajar dari Fakulti Sains dan Teknologi (FST) USIM iaitu Wan Mohd Azly Wan Mohamad, Bibi Nur Bashirah Baharun, Muhammad Izzat Irfan Mustafa, Mohd Farizal Zulkepli, Nasrin Majdina Ramli, Mohd Safuan Mohd Fadzil, Mohd Azry Hadi Abd Manan dan Luqman Hakkim Yusof.

Ketua Pegawai Eksekutif Tesco Malaysia Datuk George Fischer berkata, sebanyak lapan rumah akan dibina di dua kampung berkenaan.

"Harga seunit rumah ialah RM55,000 dengan keluasan 225 meter persegi yang dilengkapi tiga bilik ti-

dur, dua bilik air, ruang tamu dan dapur. Pembinaannya sudah bermula dan dijangka siap pada Julai nanti.

"Kita yakin rumah itu akan siap sebelum Perayaan Hari Raya Aidilfitri dan akan diserahkan kepada mangsa banjir terbabit," katanya.

Menurutnya, segala kos pembinaan dan kelengkapan rumah itu juga menggunakan sumbangan yang dikumpulkan pihaknya menerusi 52 Pasaraya Tesco di seluruh negara.

"Ia termasuk sumbangan pembekal, rakan perniagaan dan dana Tesco Malaysia serta Tesco Plc United Kingdom. Ini adalah salah satu program tanggungjawab sosial korporat (CSR)," katanya.

Sementara itu, Naib Canselor USIM Profesor Datuk Dr Musa Ahmad berkata, kerjasama antara USIM dan Tesco adalah peluang kepada kedua-dua pihak meneroka kerjasama.



MODEL rumah yang dihasilkan pelajar USIM.